

# INTERNATIONAL CONFERENCE ON MAN MACHINE SYSTEMS 2009 (ICOMMS 2009)



Berdasarkan kejayaan penganjuran International Conference on Man-Machine Systems pada tahun 2006 yang lalu, UniMAP melalui Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, sekali lagi m e n g a n j u r k a n persidangan tersebut pada tahun ini.

Bertempat di Bayview Beach Resort Pulau Pinang, ICoMMS 2009

yang berlangsung selama 2 hari bermula 11 Oktober itu menjadi medan terbaik untuk ahli-ahli akademik dan penyelidik bertukar-tukar idea berhubung bidang tersebut.

Selain itu, ICoMMS 2009 juga dilihat sebagai platform untuk mengkaji dan mengetahui hala tuju idea serta teknologi-teknologi baru yang memberikan manfaat besar kepada masyarakat. Tidak ketinggalan, penganjuran ICoMMS 2009 ini juga sebagai medan untuk penyelidik dan ahli akademik yang baru berkecimpung dalam bidang yang mempunyai integrasi antara teknologi mesin dan manusia. Menurut Dekan PPK Mekatronik, Profesor Madya Dr. Abdul Hamid Adom, semua kertas kerja yang dibentangkan pada persidangan tersebut adalah berkait rapat dengan bidang

teknologi mesin antaranya Man Machine Systems Including Artificial Intelligence, Robotics, Automation, Bio\_mechatronics dan Man Machine Interfaces. "Kualiti kertas kerja dan persembahan peserta selain penglibatan peserta yang profesional menjadikan ICoMMS 2009 sebagai satu persidangan bertaraf antarabangsa yang berjaya. "Dengan tema - CONCEIVING NEW PROSPECTS IN MAN\_MACHINE COMPLIANCE, ICoMMS 2009 sememangnya memberikan fokus terhadap aspek robotik, Artificial Intelligent dan Man Machine Automation serta Kejuruteraan Biomedikal," katanya.

Aktiviti yang dijalankan sempena persidangan membabitkan dua tutorial, 4 ucapnama dan 87 pembentangan kertas kerja yang dijalankan dalam 11 sesi pembentangan. Menurut Dr. Abdul Hamid lagi, pihaknya amat bersyukur kerana ICoMMS 2009 turut mendapat kerjasama dari pihak penaja iaitu Aldebaran, Cytron, Cenfotec and WBF. "Kami juga amat gembira kerana ICoMMS 2009 ini mendapat penyertaan yang menggalakkan iaitu 87 keseluruhannya yang mana 56 peserta adalah dari Malaysia, 20 (India), 6 (Iran), 2 dari Jepun dan masing-masing seorang dari Taiwan dan China.

## **FAKTA PERSIDANGAN :**

Jumlah penyertaan - 87

Peserta Antarabangsa - 28

Jumlah keseluruhan kertas kerja - 100

Kertas kerja yang disahkan (diterima) - 87

Kertas kerja yang dibentangkan - 75